

PUNCA DAN KESAN PERKAHWINAN BAWAH UMUR TERHADAP SOSIOEKONOMI ISI RUMAH DI KAMPUNG KESUAPAN, PULAU GAYA, KOTA KINABALU, SABAH

Causes and Effects of Underage Marriage on the Socioeconomic Status of Households in Kampung Kesuapan, Gaya Island, Kota Kinabalu, Sabah

Atira Anissa Rosli¹, Jalihah Md Shah²

¹Universiti Malaysia Sabah

Correspondence Author: Jalihah Md Shah (email: jalihah@ums.edu.my)

ABSTRAK

Perkahwinan bawah umur merupakan masalah global. Isu ini dianggap sebagai satu bentuk pencabulan terhadap hak asasi kanak-kanak dan lazimnya melibatkan kanak-kanak perempuan. Untuk itu, kajian ini berfokuskan kepada punca dan kesan perkahwinan bawah umur terhadap sosioekonomi isi rumah di Kampung Kesuapan, Pulau Gaya. Data kajian kualitatif ini dikutip menggunakan kaedah temu bual secara mendalam dan kajian perpustakaan yang kemudiannya dianalisis secara tematik. Seramai sembilan orang informan yang terdiri daripada wanita yang berkahwin bawah umur, ibu bapa, wakil masyarakat setempat, pemimpin komuniti dan pegawai NGO telah ditemu bual. Kajian ini mendapati lima faktor utama yang memicu perkahwinan bawah umur terus berlaku dalam masyarakat yang dikaji iaitu faktor ekonomi, budaya, perlindungan dan keselamatan, akses pendidikan serta kehendak sendiri. Perkahwinan bawah umur mempunyai implikasi ke atas sosioekonomi isi rumah yang berbentuk negatif dan positif. Secara negatifnya, amalan ini menyebabkan perkembangan pendidikan kanak-kanak terjejas, tidak dapat bersaing dalam bidang pekerjaan dan kurang kemahiran mengurus emosi dan keluarga. Sebaliknya, kesan positif pula adalah membina sikap tanggungjawab, mengekalkan keseimbangan adat, nilai dan norma masyarakat serta mengawal gejala sosial.

Kata Kunci: Perkahwinan Bawah Umur, Kanak-Kanak, Syariah, Budaya, Emosi

ABSTRACT

Marriage under the age of 18 is a global problem. This issue is a violation of children's basic rights and often involves girls. For that reason, this study focuses on the causes and effects of underage marriage on the socioeconomics of households in Kampung Kesuapan, Gaya Island. The data of this qualitative study was collected using in-depth interview methods and library research, then analyzed thematically. For that, a total of nine informants consisting of women who married underage, parents, local community representatives, community leaders and NGO officer were interviewed. This study found five main factors that trigger underage marriages to continue occur in the studied society, which economic and cultural factors, protection and security, access to education and children own demands. Underage marriage has negative and positive implications on the household's socioeconomics. Negatively, this practice causes children's educational development to be affected, they cannot compete in the field of work and lack the skills to manage emotions and family, while the positive effect is to build an attitude of responsibility, maintain the balance of customs, values and community norms and control social symptoms.

Keywords: *Underage Marriage, Children, Syariah, Culture, Emotion*

Pengenalan

Perkahwinan adalah satu ikatan di antara dua individu, lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di dalam sebuah rumah tangga di samping melahirkan zuriat, meneruskan kelangsungan hidup manusia menurut batas-batas dan hak serta tanggungjawab masing-masing (Mat Saad, 1993). Kerajaan Malaysia mengiktiraf tiga jenis perkahwinan iaitu Perkahwinan Syariah, Perkahwinan Sivil dan Perkahwinan Adat (Falvia Ary Sahwa & Tharshini, 2023). Mengikut perspektif perundangan Syariah di negeri Sabah, perkahwinan tidak boleh diadakan sekiranya umur pengantin lelaki kurang 18 tahun dan perempuan, berumur 16 tahun kecuali mendapat kebenaran Hakim Syarie secara bertulis dalam keadaan tertentu. Manakala bagi perundangan Sivil, kebenaran perkahwinan bawah umur memerlukan lesen yang diberi oleh Ketua Menteri. Menurut Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF, 2006), perkahwinan sebelum usia 18

tahun didefinisikan sebagai perkahwinan kanak-kanak atau perkahwinan di bawah umur. Daripada definisi ini, jelas wujud perbezaan umur berkahwin di peringkat global dan negeri Sabah.

Amalan perkahwinan bawah umur yang masih berlaku hingga kini menunjukkan bahawa masyarakat masih berjuang dan berusaha menangani ketaksamaan gender untuk mencapai matlamat pembangunan mampan. Tambahan lagi, isu perkahwinan kanak-kanak merupakan sebuah pelanggaran terhadap hak asasi kanak-kanak. Aliran pemikiran moden yang menekankan prinsip egalitarian membuka peluang dan ruang yang sama kepada lelaki dan wanita terhadap hak-hak kemanusiaan (Zanariah Noor, 2013) menuntut kepada penyelesaian isu ini dalam masyarakat. Tambahan pula, undang-undang secara global turut menetapkan batasan umur bagi seorang individu berkahwin. Justeru, masyarakat mula melihat amalan perkahwinan bawah umur sebagai suatu bentuk penganiayaan serta satu bentuk pencabulan kepada hak kanak-kanak. Meskipun perkahwinan kanak-kanak telah diamalkan sejak dahulu lagi, namun penerimaan dan kesesuaian berubah mengikut peredaran zaman. Perkahwinan bawah umur kerap dipandang serong oleh masyarakat kerana ia memberi kesan negatif khususnya kanak-kanak. Amalan ini bukan sahaja menjejaskan setiap aspek kehidupan golongan tersebut malah meletakkan kanak-kanak dalam situasi berisiko. Hal ini kerana kanak-kanak berkahwin sebelum kematangan fizikal dan mental mereka. Penting untuk masyarakat khususnya ibu bapa sedar bahawa kanak-kanak mempunyai tahap-tahap tumbesaran sosial dan emosi. Proses ini mengambil masa bagi menyediakan seseorang kanak-kanak dalam keadaan baik menerima situasi dan fasa yang baharu dalam kehidupan mereka.

Perbezaan dan pemahaman segelintir masyarakat mengenai kebaikan mahupun keburukan isu ini tidak dapat dinafikan. Hal ini menjadikan isu ini sebagai perbahasan yang tiada penghujung. Misalnya, batasan umur bagi seseorang yang dianggap dewasa dan seseorang dianggap kanak-kanak dalam Islam tidak ditentukan oleh tahap umur sebagaimana yang batasan umur yang ditetapkan menurut prinsip perundangan Barat (Zanariah Noor, 2013). Menurut Fahmi Rusli (2018), daripada sudut tradisi Islam, takrifnya lebih konsisten menghubungkan keadaan akil baligh dengan definisi kanak-kanak. Ibn Manzhur dalam kitabnya, *Lisan Al-Arab*: menyebut *Al-Sighar*, merujuk kepada kurang saiznya atau kurang umurnya atau bermaksud kecil. Ciri tersebut disifatkan kepada seseorang semenjak lahir sehingga mencapai akil baligh. Seseorang individu tidak lagi disebut kanak-kanak apabila

mencapai akil baligh meskipun umurnya 10 tahun, 11 tahun meskipun kurang daripada umur tersebut. Oleh yang demikian, berlaku salah faham tentang suatu panduan moral bagi umur yang sesuai berkahwin.

Perkahwinan kanak-kanak atau di bawah umur telah berlaku di serata dunia dan masyarakat di Sabah juga tidak ketinggalan dalam menghadapi isu ini. Kajian berkenaan perkahwinan bawah umur masih terhad diusahakan di Sabah, justeru itu, berlakunya kelompangan daripada segi data empirikal berkenaan punca dan kesan perkahwinan bawah umur. Rentetan daripada ini, satu kajian telah dilakukan bagi mengetahui faktor dan kesan perkahwinan kanak-kanak terhadap sosioekonomi isi rumah di Kampung Kesuapan, Pulau Gaya, Sabah. Melihat isu ini di Sabah khususnya, perkahwinan bawah umur tidak seharusnya dipandang enteng ataupun dilihat sebagai isu terpencil kerana rangkaian kesannya ini bakal menjejaskan usaha Malaysia mencapai Matlamat Pembangunan Mampan.

Kajian Literatur

Perkahwinan kanak-kanak bukan isu baharu dan dilaporkan berlaku dalam masyarakat di peringkat global. Menurut Carsaro (2005), keluarga tradisional memaksa anak-anak perempuan mereka berkahwin kerana mengandung anak luar nikah. Pada tahun 1980-an dan 1990-an, berlaku peningkatan mendadak dalam kadar kelahiran anak luar nikah. Hal ini berlaku kerana negara mulai mengalami proses pengindustrian yang pesat. Kanak-kanak dipaksa untuk bekerja bagi meneruskan kelangsungan hidup kerana persaingan adalah sangat tinggi. Justeru, golongan wanita dan kanak-kanak mulai terdedah dengan pendidikan dan peluang pekerjaan sejak awal usia. Malahan, segelintir mereka juga berinisiatif untuk tidak berkahwin agar tidak mengganggu pekerjaan yang diceburi. Namun begitu, hal ini mendorong mereka terdedah dengan bahaya dan gangguan seksual dari persekitaran seperti majikan dan individu luar yang berniat jahat. Situasi tersebut menimbulkan kekusaran dalam kalangan wanita dan kanak-kanak kerana dikhuatiri menakibatkan trauma dan memberi kesan jangka masa panjang kepada mangsa. Tambahan lagi, kesalahan akibat hamil anak luar nikah diletakkan kepada golongan perempuan dan diletakkan nilai negatif kepada golongan ini.

Dalam kajian Ewa Batyra dan Luca Maria (2021), memperhatikan pelaksanaan kerangka undang-undang dalam negara berikutan perkahwinan bawah umur, namun keberkesannya bergantung kepada keadaan

persekitaran dan masyarakat. Di negara berpendapatan rendah dan sederhana iaitu Benin, Mauritania, Kazakhstan dan Bhutan, undang-undang tidak menghalang perkahwinan awal manakala di Tajikistan dan Nepal bergantung kepada spesifikasi model. Perkahwinan bawah umur sering berlaku di negara berpendapatan rendah dan sederhana (LMIC), secara tidak langsung mewujudkan kitaran kemiskinan yang mengekalkan ketidaksamaan. Perubahan undang-undang terhadap umur minima perkahwinan hanya memberi kesan terhad kepada melambatkan umur perkahwinan. Justeru itu, penguatkuasaan yang lebih baik mesti mengiringi pelaksanaan undang-undang umur perkahwinan.

Selain itu, kajian Zanariah Noor (2013) menyatakan perkahwinan bawah umur merupakan isu perdebatan yang tidak kunjung selesai dalam komuniti Muslim. Pemahaman dan pengamalan berbeza terhadap agama dan undang-undang negara sering menimbulkan konflik antara masyarakat. Perundangan secara global menetapkan had umur kanak-kanak adalah 18 tahun manakala daripada sudut tradisi Islam, definisi kanak-kanak dihubungkan dengan keadaan aqil baligh. Kini, undang-undang menekankan hak-hak kemanusiaan terhadap kehidupan yang menjadi prinsip mendasari masyarakat moden. Tambahan lagi, Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, di dalam perbincangan berkenaan hal-hal ehwal agama Islam ke-106 menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur tidak dianggap satu kewajipan keagamaan dan “telah menjelaskan bahawa perkahwinan antara Nabi Muhammad dan Aisha tidak boleh dan tidak harus digunakan sebagai justifikasi keagamaan bagi perkahwinan bawah umur”. Sebelum wujud undang-undang, pengamalan mengkahwinkan kanak-kanak adalah perkara biasa. Misalnya nikah al-sighar adalah suatu yang lazim dalam kalangan masyarakat Arab di mana amalan pertukaran anak perempuan dengan bapa-bapa untuk mereka kahwini. Oleh yang demikian, isu perkahwinan bawah umur perlulah dikupas mengikut konteks persekitaran semasa dengan mengambil pandangan secara keseluruhan di samping mengambil kira soal ‘uruf, timbang tara masalah, fiqh ma’alaat al-af’aal (implikasi perbuatan pada masa mendatang) dan selainnya (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Salah satu inisiatif kerajaan bagi menjaga kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak ialah dengan meratifikasikan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau Konvensi on the Rights of the Child (CRC) yang telah dilaksanakan pada 17 Februari 1995. Konvensyen ini memberi tumpuan terhadap kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada aspek kelangsungan hidup (*survival*), perlindungan,

perkembangan dan penyertaan. Namun begitu, amalan ini masih terus berleluasa di Malaysia. Perkahwinan bawah umur memberi impak mendalam dan berpanjangan kepada kesejahteraan, kesihatan dan kehidupan kanak-kanak. Selain itu, berhadapan dengan risiko keganasan rumah tangga, peluang pekerjaan yang rendah serta menyebabkan mereka gagal mencapai potensi diri sepenuhnya. Ibu bapa seharusnya memastikan anak-anak mereka fokus dan cemerlang dalam persekolahan berbanding mengahwinkan mereka pada umur yang muda. Setiap pihak berkepentingan perlu berusaha melaksanakan tanggungjawab dalam menangani perkahwinan bawah umur di Malaysia.

Mengikut data UNICEF (2019), dijangkakan berlaku pertambahan 150 juta wanita yang akan berkahwin bawah umur sebelum mereka 18 tahun menjelang tahun 2030. Dalam tempoh 10 tahun iaitu bermula dari tahun 2007 sehingga 2017, sebanyak 14,999 ribu perkahwinan kanak-kanak telah direkodkan dengan 67 peratus perkahwinan dalam kalangan Muslim dan 33 peratus bagi bukan Muslim. Negeri Sabah menduduki tangga tiga tertinggi bagi kes perkahwinan bawah 18 tahun di Malaysia. Berdasarkan data Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Sarawak menunjukkan rekod tertinggi dari tahun 2011 hingga 2016 iaitu sebanyak 1,292 kes, diikuti Sabah 1,201 kes dan Kelantan 1,119 kes manakala kes perkahwinan bawah umur bagi bukan Muslim yang berumur 16 tahun sehingga 18 tahun dari tahun 2005 hingga Oktober 2015 bagi negeri Sabah ialah 167 kes.

Umumnya, perkahwinan dianggap sebagai penyelamat atau alternatif untuk mengelakkan anak-anak muda daripada kancah penzinaan. Sepertimana, yang dihurai Umi Mahmudah (dalam Fijriani, 2010), amalan perkahwinan bawah umur membantu mengelakkan masalah sosial daripada berlaku dan membantu menurunkan kadar buang anak luar nikah. Dalam sudut positif yang lain, perkahwinan kanak-kanak membantu menerapkan rasa tanggungjawab dan mematangkan kanak-kanak tersebut. Namun demikian, isu perkahwinan kanak-kanak ini tidak dapat dibahas lagi bahawa pelbagai kemudaratannya wujud hasil daripada amalan ini. Kanak-kanak merupakan generasi yang akan mencorakkan masa depan sesebuah negara. Adalah suatu kemestian untuk membasmi pihak yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasi kanak-kanak tersebut.

Kaedah Kajian dan Lokasi Kajian

Menurut Kerlinger (1986), kaedah kajian adalah satu usaha menganalisis data melalui kaedah saintifik dengan bertujuan mencari jawapan kepada persoalan kajian. Metodologi kajian adalah meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif. Oleh yang demikian, dalam mencari ilmu pengetahuan khususnya mengenai dunia sosial, terdapat kaedah atau teknik yang tersendiri yang perlu digunakan mengikut kesesuaian sesuatu kajian (Kerlinger, 1986). Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam memahami dan mendapatkan data untuk kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Pengutipan data dilakukan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian.

Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan semasa menjalankan kajian bersama sembilan orang informan. Menurut Merriam (1998), penggunaan temu bual separa berstruktur bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik. Informan kajian ini terdiri daripada tiga orang yang berkahwin bawah umur 16 tahun, dua orang lagi ibu bapa daripada pasangan yang berkahwin di bawah umur serta dua orang penduduk tempatan di Kampung Kesuapan. Enam daripada informan ini adalah daripada kumpulan etnik Bajau Ubian. Selain itu, sesi temu bual juga dijalankan Bersama Ketua Kampung Kesuapan, wakil badan bukan kerajaan (NGOs) iaitu Presiden Sabah Women's Action (SAWO). Pertubuhan SAWO merupakan NGO yang memainkan peranan aktif dalam membincangkan dan terlibat dalam advokasi berkenaan perkahwinan bawah umur di negeri Sabah. Instrumen yang digunakan semasa temu bual dijalankan rangka temu bual yang menyaksikan sesi temu bual berlangsung selama dua jam bagi setiap informan. Data yang diperolehi ini kemudiannya ditranskrip dan dianalisis secara tematik.

Kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua bentuk iaitu pemerhatian turut serta dan pemerhatian tidak turut serta. Kaedah pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tidak turut serta di mana pengkaji tidak terlibat dalam suasana ataupun aktiviti yang dilakukan oleh informan. Pemerhatian terhadap aktiviti harian dilakukan ketika sesi temu bual dilakukan. Pemerhatian ini membantu pengkaji mendapat gambaran

berkenaan kesan perkahwinan kanak-kanak di perkampungan dalam bandaraya Kota Kinabalu ini sama ada berbentuk positif mahupun negatif. Kaedah pemerhatian ini dapat menyumbang kepada data yang berkualiti kerana kaedah ini mampu memberikan satu gambaran yang lengkap dan tepat mengenai keseluruhan situasi yang dikaji. Alat-alat yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti kamera, alat perakam video dan juga alat perakam suara. Tambahan lagi, pengkaji telah memulakan langkah pertama dengan sumber sekunder. Sumber tersebut terdiri seperti buku, jurnal, dan maklumat daripada internet yang berkaitan dengan kajian perkahwinan kanak-kanak.

Dapatan dan Perbincangan

Perbincangan dalam artikel ini menerangkan punca dan kesan perkahwinan bawah umur terhadap sosioekonomi isi rumah di Kampung Kesuapan, Pulau Gaya. Kajian ini mengenalpasti faktor utama yang menyumbang amalan ini untuk terus berlaku iaitu kehendak keluarga, faktor budaya, perlindungan dan keselamatan, akses pendidikan yang rendah dan kemahuan kanak-kanak sendiri.

Faktor Yang Menyumbang Kepada Perkahwinan Bawah Umur

Kehendak keluarga merupakan salah satu faktor berlakunya perkahwinan bawah umur dalam kalangan kanak-kanak di Kampung Kesuapan, Pulau Gaya. Ekonomi keluarga yang rendah memaksa ibu bapa mengambil keputusan mengahwinkan anak mereka pada usia muda. Hal ini bagi membantu mengurangkan beban kewangan dan menyelamatkan struktur ekonomi keluarga. Menurut Siti, wujud desakan daripada keluarganya dan mertua untuk beliau dan suami berkahwin. Hal ini dijelaskan oleh Siti seperti berikut:

“...sa bertunang dalam sebulan jak, ibu bapa dan keluarga mertua cakaplah diaorang janji bagi rumah, nafkah, duit, semua dorang bilang diaorang kasi atur saya belajar kalau sa kawin tapi semua teda...”

(Puan Siti, Individu Berkahwin Bawah 16 Tahun)

Jelas daripada temu bual di atas menunjukkan kanak-kanak perempuan diberikan harapan daripada segi material dan pendidikan untuk bersetuju

dengan perkahwinan yang ditentukan ke atas mereka. Namun seperti yang dijelaskan oleh Siti, selepas perkahwinan berlangsung, kesemua yang dijanjikan tidak berlaku. Hal ini turut didorong oleh stereotaip tentang kanak-kanak perempuan tidak perlu menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi kerana akhirnya mereka menguruskan rumahtangga. Kajian ke atas kanak-kanak perempuan yang berkahwin bawah umur di Kampung Kesuapan ini mendapati informan tidak dibenarkan bekerja dan menjana pendapatan sendiri. Sebaliknya, informan perlu menyerahkan untung nasibnya kepada suami.

Kepayahan kehidupan keluarga menyebabkan perkahwinan bawah umur berlaku. Meskipun dapatan kajian ini mendapati ibu bapa informan tidak berkeinginan untuk mengahwinkan anak mereka pada usia muda, namun ia terpaksa dilakukan demi mengurangkan beban ekonomi sedia ada dan menganggap ia sebagai penyelesaian termudah. Kajian ini mendapati ekonomi perikanan tradisional yang memberi pulangan pendapatan yang rendah telah mendorong ada golongan ayah yang terpaksa berhutang. Kegagalan membayar hutang menyebabkan ada ibu bapa yang bertindak menyerahkan anak perempuan mereka kepada pemiutang sebagai bentuk bayaran melangsaikan hutang. Perkara ini diakui oleh Encik Jama, Ketua Kampung Kesuapan seperti di bawah:

“Terdapat golongan kecil ibu bapa terpaksa memberikan anak-anak mereka kepada pemberi hutang atau individu tertentu bagi mendapatkan wang dengan mengahwinkan anak-anak pada usia yang sangat muda.”

(Encik Jama, Ketua Kampung Kesuapan)

Faktor budaya turut mempengaruhi berlakunya perkahwinan bawah umur. Budaya merupakan satu cara hidup yang berkembang dan diwarisi dari generasi ke generasi (Hanizah et al., 2020). Warisan ini meliputi seni, kepercayaan, pemikiran dan segala jenis pengeluaran dan pekerjaan yang dimiliki oleh masyarakat (Kotter & Kaskett, 1992). Budaya dan adat resam masyarakat Bajau Ubian turut mempengaruhi perkahwinan bawah umur. Menurut Puan Siti Hasnah:

“Orang Kampung Kesuapan mulai memandang serong terhadap anak gadis yang lambat bertemu jodoh atau sengaja menolak pinangan orang. Mereka dapat gelaran seperti anak

dara tua atau ‘tidak laku’. Jadi, ada ibu bapa yang mendesak anak-anak yang sedang bertunang untuk segera kahwin sebab takut jadi buah mulut orang kampung atau jadi masalah yang tidak diingini berlaku.”

(Puan Siti Hasnah, Ibu Kanak-kanak Berkahwin Bawah Umur)

Menurut Uma Sekaran (2000), masalah ialah sebarang situasi di mana wujud jurang antara keadaan sebenar dan keadaan ideal. Sekiranya berlaku situasi atau kejadian yang tidak diingini seperti kes rogol atau hamil di luar nikah, maka ibu bapa dan ‘orang tua’ akan berbincang untuk mengatasi masalah tersebut. Kebimbangan terhadap sesuatu yang negatif berlaku ke atas anak-anak perempuan menyebabkan ibu bapa mengkahwinkan anak mereka pada usia bawah 16 tahun.

Seterusnya, perkahwinan bawah umur dilakukan bagi menjamin keselamatan dan perlindungan buat kanak-kanak. Menurut pandangan kedua ibu bapa yang ditemubual, Puan Siti Hasnah dan Encik Abdullah, keadaan sosial kini yang tidak terjamin menyebabkan ibu bapa berusaha mencari jalan terbaik untuk masa hadapan anak-anak mereka. Persekitaran di Kampung Kesuapan yang dikelilingi oleh perkampungan yang lain menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa. Dapatan kajian mendapati, ibu bapa menyatakan bahawa kebanjiran warga asing tanpa izin khususnya dari Filipina dan Indonesia menyebabkan mereka lebih tenteram dengan keselamatan anak mereka sekiranya mempunyai suami. Menurut ibu bapa yang ditemu bual ini, kewujudan pelbagai jenayah seperti perlakuan sumbang mahram, penculikan, rogol dan kecurian amat membimbangkan mereka. Dengan adanya pendamping, suami diibaratkan sebagai pelindung buat anak perempuannya. Selain itu, ibu bapa ini turut bimbang dengan penggunaan teknologi moden melibatkan kanak-kanak yang mendedahkan golongan terbabit dengan bahaya dalam talian. Kajian ini mendapati ada kanak-kanak berusia di bawah 15 tahun di Kampung Kesuapan sudahpun memiliki telefon bimbit bagi kegunaan asas namun, kebebasan mengakses media sosial meletakkan diri mereka mudah menjadi mangsa fedofilia.

Seterusnya, akses pendidikan yang rendah. Golongan miskin atau miskin tegar di Kampung Kesuapan tertinggal dalam arus pendidikan kerana tidak berkemampuan untuk membayar yuran persekolahan. Menurut Encik Hafis, informan yang berkahwin di bawah umur, beliau memilih untuk berkerja berbanding menyambung persekolahan kerana tidak mampu untuk

membayar yuran sekolah. Tambahan lagi, bilangan adik beradik yang ramai menyebabkan beliau bekerja dan berkahwin pada awal usia. Kesannya, golongan kanak-kanak ini dieksploitasi serta dibayar gaji yang jauh lebih rendah daripada gaji minimum kerana tidak mahir membaca, mengira ataupun menulis. Menurut Norazlinda (2007), ibu bapa yang berstatus tinggi mampu menyediakan keperluan pendidikan sejak kanak-kanak lagi. Melalui pendidikan, mereka akan lebih memahami hak dan bersedia sepenuhnya secara rohani dan fizikal untuk memenuhi tanggungjawab mereka. Kanak-kanak yang sudah berkahwin pula lebih cenderung untuk tercicir daripada persekolahan, hal ini menyebabkan risiko kemiskinan berterusan yang lebih tinggi (UNICEF, 2022).

Akhir sekali, perkahwinan terjadi akibat kehendak atau kemahuan sendiri. Situasi ini berlaku dalam kalangan kanak-kanak yang mempunyai sifat ingin tahu dan mencuba yang tinggi. Hal ini boleh berlaku atas faktor pengaruh rakan sebaya atau pengaruh media sosial. Menurut Nurul, individu yang berkahwin bawah, ibu bapa beliau turut menyokong beliau apabila mengutarakan keinginan untuk bernikah. Hal ini dijelaskan oleh informan menerusi petikan di bawah:

‘...Beliau (ibu bapa) ku pun kawin muda, jadi teda masalah untuk kami kawin muda. Mereka galakkan juga masa sa bagitau mau kawin...’

(Nurul, Individu Berkahwin Bawah Umur 16)

Dapatan kajian mendapati, kanak-kanak yang kurang menunjukkan minat di alam persekolahan memilih untuk bernikah pada usia muda dengan pasangan sama baya atau yang lebih berusia. Walaupun tidak dapat menolak kemungkinan beberapa kes perkahwinan awal yang membawa kepada sebuah kerukunan rumah tangga yang bahagia akan tetapi bilangan yang masih berjaya adalah sedikit. Kemampuan dan keharmonian rumah tangga bergantung kepada kesediaan dan kematangan daripada kedua-dua belah pihak agar sebarang cabaran dan masalah sepanjang perkahwinan yang ditempuh dapat dijalani dengan sabar.

Kesan Perkahwinan Bawah Umur Terhadap Sosioekonomi

Secara konseptualnya, sosioekonomi terdiri daripada dua gabungan dua konsep iaitu sosial dan ekonomi (Yusof, 2010). Dalam definisi lain, konsep

sosioekonomi melibatkan jumlah isi rumah, pekerjaan, status perkahwinan, pendapatan, status pelajaran, kesihatan, pemilikan harta dan sebagainya. Perkahwinan bawah umur meninggalkan pengaruh kuat dalam kehidupan seharian bagi individu yang berkahwin bawah umur dalam bentuk negatif mahupun positif.

Kesan Negatif

Salah satu kesan negatif perkahwinan bawah umur adalah perkembangan diri kanak-kanak terjejas menyebabkan mereka gagal mencapai potensi diri sepenuhnya. Kanak-kanak yang terlibat dengan perkahwinan di usia terlalu muda akan membawa kepada proses pengasingan daripada interaksi sosial tidak seperti kanak-kanak yang lain. Melalui data yang diperoleh, hampir kesemua pasangan yang berkahwin di bawah umur tidak berjaya menamatkan pelajaran di peringkat menengah. Situasi ini berlaku kerana sukar bagi mereka terutamanya kanak-kanak perempuan untuk meneruskan pembelajaran selepas berkahwin apabila tanggungjawab mereka lebih tertumpu kepada menjaga dan membesarkan anak. Sebaliknya, kanak-kanak lelaki yang berkahwin bawah umur pula mula berkerja bagi menampung keperluan rumahtangnya.

Selain itu, tidak dapat bersaing dalam bidang pekerjaan. Peluang pekerjaan dengan gaji yang setimpal menjadi cabaran besar buat individu yang berkahwin di bawah umur. Menurut Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), Nurani Fauziah Derin, terdapat pelajar yang sudah berkahwin dan sudah bekerja antara faktor seramai 984 calon di Sabah tidak menduduki peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) tahun 2023. Walaupun pembangunan di daerah Kota Kinabalu semakin pesat, tanpa kelayakan, sijil mahupun kemahiran menyebabkan mereka tidak diberi keutamaan dan sukar memperoleh gaji yang setimpal. Golongan kanak-kanak perempuan pula cenderung menjadi suri rumah dan memberi fokus dalam membesarkan anak-anak. Dapatan kajian mendapati pasangan yang berkahwin di bawah umur masih memerlukan bantuan kewangan daripada ahli keluarga.

Seterusnya, kurangnya kemahiran komunikasi dan kemahiran untuk mengurus emosi dan keluarga. Konflik dalam rumah tangga disebabkan tekanan dan ketidaksefahaman akan meruntuhkan institusi keluarga dengan berlakunya penceraian. Sebagaimana Teori Hierarki Maslow, faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi terdiri daripada keperluan asas

yang terpenuhi (Nor Nazimi et al., 2017). Antaranya keperluan asas, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan pengharapan, dan keperluan diri sendiri. Sekiranya terdapat keperluan yang tidak dapat terpenuhi, maka berlaku konflik. Golongan ibu bapa di Kampung Kesuapan berpandangan kanak-kanak masih kurang berkemampuan untuk mengurus emosi diri dan memerlukan dorongan daripada orang dewasa. Namun begitu, mereka masih membenarkan perkahwinan tersebut kerana bimbang kemudaratan lebih besar menimpa anak mereka. Pembuatan keputusan dalam alam rumahtangga seharusnya dilakukan dengan kematangan akal fikiran dan sifat tolak ansur antara pasangan serta kesediaan menghadapi alam perkahwinan. Kemahiran komunikasi yang lemah dan pembuatan keputusan yang sering dikawali atau dicampuri oleh ibu bapa atau keluarga menyebabkan mereka mudah untuk salah faham antara satu sama lain.

Ketidakmatangan kanak-kanak dan kurang ilmu pengetahuan adalah suatu yang berbahaya mengakibatkan golongan ini sering mengambil hal-hal penting sebagai suatu remeh temeh. Misalnya, perancangan keluarga, dokumen perkahwinan dan dokumen kelahiran kanak-kanak. Pasangan muda berpotensi untuk memperoleh anak kerana tahap kesuburan mereka yang tinggi yang membawa risiko kesihatan yang serius dan boleh meningkatkan risiko dijangkiti penyakit kelamin (UNFPA, 2015). Hal ini diakui oleh informan bila mana mereka mengakui kurang kemahiran untuk mengawal dan mendidik anak dengan sebaiknya disebabkan mereka menjadi ibu bapa pada usia muda. Tambahan lagi, sikap ambil mudah mengenai sijil perkahwinan seperti ada informan yang berkahwin secara kampung atau sekadar cukup syarat nikah tanpa melalui proses undang-undang menyukarkan keadaan bagi tempoh jangka masa panjang. Ketiadaan dokumen perkahwinan menyebabkan anak yang bakal dilahirkan tidak mendapat sijil kelahiran dan menyukarkan mereka peroleh hak-hak asasi seperti pendidikan dan kesihatan.

Kesan Positif

Kesan positif hasil daripada perkahwinan bawah umur adalah membina sikap tanggungjawab. Tanggungjawab rumah tangga merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya bagi menjamin hak-hak pihak yang dipertanggungjawabkan (Nor Dalilah et al., 2023). Memahami tugas dan tanggungjawab serta realiti sebuah kehidupan dalam mengasuh dapat membina anak bangsa generasi seterusnya. Persefahaman dan pelaksanaan tugas melibatkan sikap toleransi, bantu membantu antara suami dan isteri

boleh menatijahkan kebahagiaan sehingga terjadilah baiti jannati (rumahku syurgaku). Menurut Encik Hanafis yang merupakan informan mewakili komuniti Kampung Kesuapan, sikap bertanggungjawab adalah penting dengan mendalami ilmu agama serta mencari nafkah. Manakala Nurul, individu berkahwin bawah umur menjelaskan bahawa perkahwinan di bawah usia 18 tahun dan memiliki umur yang sebaya membolehkan mereka memahami antara satu sama lain dengan lebih baik dan bekerjasama dalam memelihara dan mendidik anak serta menghubungkan silaturahim dengan kedua-dua keluarga.

Hal ini menunjukkan bahawa pasangan berkahwin di bawah umur juga mampu untuk memenuhi keperluan masing-masing dan saling menghormati serta menasihati dengan lemah lembut. Memperoleh anak pada usia muda tidak dinafikan mempunyai pelbagai kebaikan seperti mempunyai banyak tenaga berbanding pada usia lanjut. Namun demikian, mengandung dan melahirkan anak ketika umur terlalu muda juga adalah amat berbahaya buat individu atau isteri. Hal ini kerana kemampuan rangka kanak-kanak Perempuan berbeza dengan rangka wanita dewasa. Pelbagai kemungkinan dan bahaya untuk seorang kanak-kanak bersalin seperti kematian akibat pendarahan teruk setelah melahirkan ataupun pundi kencing terkoyak.

Sisi positif yang lain pula menyaksikan perkahwinan bawah umur mampu mengekalkan keseimbangan adat, nilai dan norma masyarakat. Perkara ini diutarakan oleh Puan Winnie, Presiden SAWO. Menurut beliau, amalan ini adalah stigma dan norma sosial yang dijadikan sebagai pilihan terbaik bagi masyarakat untuk menyelesaikan masalah. Sekiranya berlaku kelakuan sumbang mahram, jenayah rogol, hamil di luar nikah atau sebagainya, tindakan drastik dengan mengahwinkan individu tersebut dengan pelakunya secara rela atau paksa bagi mengekalkan keseimbangan sosial dalam suatu tempat. Namun begitu, beliau mengakui tindakan ini adalah suatu bentuk kezaliman dan menindas hak individu dalam menetapkan keputusan.

Akhir sekali, perkahwinan bawah umur membantu mengawal gejala sosial dan pergaulan bebas. Hambatan dan cabaran globalisasi seiring kemajuan sains dan teknologi boleh menyumbang kepada peningkatan gejala sosial. Dapatan kajian ini mendapati amalan perkahwinan kanak-kanak masih berlaku kerana timbul kebimbangan ibu bapa terhadap kanak-kanak kini yang lebih mudah terancam dan terdedah kepada bahaya media sosial melalui kepelbagaian akses internet yang cepat, mudah dan murah. Amalan

cara hidup moden, dipacu oleh sikap ingin tahu dan pengaruh rakan sebaya memberi ruang penularan unsur negatif menyebabkan kanak-kanak kurang berminat untuk menuntut ilmu. Justeru itu, perkahwinan bawah umur dilihat sebagai usaha untuk menjaga kehormatan diri dan mengawal nafsu.

Kesimpulan

Perkahwinan bawah umur berlaku dalam masyarakat di Malaysia dan ia memerlukan pemahaman yang berlandaskan ilmu agama, meraikan kemaslahatan semua pihak serta suasana tempat. Namun begitu, setiap amalan perlu disesuaikan dengan perubahan zaman, tempat, niat keadaan dan adat kebiasaan. Kajian ini mendapati faktor ekonomi dan budaya menjadi sebab musabab utama berlakunya perkahwinan bawah umur. Meskipun perkahwinan bawah umur mempunyai implikasi positif, namun impak negatifnya khusus terhadap kesihatan fizikal, emosi dan mental kanak-kanak yang berkahwin perlu diambilkira. Oleh yang demikian, pendirian tegas dan langkah yang holistik harus diambil oleh semua pihak berkepentingan dalam menyalurkan maklumat dan bantuan berkenaan perkahwinan bawah umur agar isu sosial ini boleh ditangani tanpa mengorbankan hak asasi kanak-kanak di negara ini.

Rujukan

- Abdul Jalil Hj. Mohd. Hassan. (1982). *The Islamic Concept of Marriage*, Islamika II, Jabatan Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Ali A. Izadparast. (1974). *Position of Women in Muslim Arab Societies*. University of Utah. United States.
- Amelia Elyani. (2016). *Realiti Perkahwinan Bawah Umur*. Universiti Malaya.
- B. Suresh Lal. (2015). *Child Marriage in India Factors and Problems*. University India.
- Kakatiya. (2015). *Child Marriage*. https://data.unicef.org/wp-content/uploads/2015/12/Child-Marriage-Brochure-HR_164.pdf;

- Astro Awani. (2018). Kahwin Bawah Umur Tidak Selesai Masalah Sosial. www.astroawani.com. (Diakses Pada 25/4/2019)
- Fariza Khalid. (2014). Objektif Dan Persoalan Kajian. University Kebangsaan Malaysia. https://www.farizakhalid.com/uploads/3/0/7/7/30779151/Persoalan_Kajian_Pdf_15.5.2024 (Diakses Pada 5 Jun 2024)
- Fahmi Rusli. (2018). Bayan Linnas Siri Ke-141: Perkahwinan Kanak-Kanak Mengikut Perspektif Syariah. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2512-bayan-linnas-siri-ke-141-perkahwinan-kanak-kanak-mengikut-perspektif-syariah> (Diakses pada 20.5.2024)
- Fuad Hj. Sam. (2013). Kawin Pada Usia Muda: Bahagia atau Derita. Karya Bestari Sdn.Bhd.
- Hariati Azizan. (2013). Perkahwinan Bawah Umur Semakin Meningkat. Sumber Artikel. Berita www.Mstar.com.my. Star Media Group Berhad. (Diakses pada 29/4/2019)
- <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sudah-kahwin-kerja-antara-faktor-calon-tidak-duduki-spm-472346>
- <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Akta/Akta%20Kanak-Kanak%202001.pdf> (Diakses pada 26/4/2019)
- Jalilah Md Shah. (2015). Nelayan dalam Bandar dan Pembangunan Komuniti di Kg. Pulau Gaya, Sabah. Universiti Sains Malaysia.
- M. F Badran. (1997). 'Huda Sha'arawi and the Liberation of the Egyptian Woman. University of Oxford. London.
- Muhammad Naim Fital. (2013). Buletin Persatuan Wanita UKM. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.
- M.Shuid, A. (2011). Pembangunan dan Perubahan Sosioekonomi Suku Kaum Semai di Kampung Changkat Bintang, Slim River. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Dalilah Zakaria. Raihanah Azahari. Bahiyah Ahmad. (2023). Elemen Kebertanggungjawaban Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam. Jurnal Fiqh. Vol.20 No.2

- Nor Nazmi, Jaffary Awang & Aminudin Basir. (2017). Teori Maslow Dan Kaitannya Dengan Kehidupan Muslim. *Jurnal Hadhari* 9 (2) (275-285). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosilayati. (2013). Persepsi Orang Tua Terhadap Perkahwinan Dini di Kelurahan Garuntang. Universiti Negeri Gontolo. Seokanto, Sorejono 2006. *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta.
- Raj Grafindo Persada. Tahera Ahmed. (2015). Child Marriage: A Discussion Paper in Bangladesh https://www.researchgate.net/publication/284276993_Child_Marriage_A_Discussion (diakses pada 26 November 2018)
- Uma Sekaran. (2003). *Research Methods For Business: A Skill-Building Approach Fourth Edition*. Southern Illinois University. Carbondale
- United Nations Children's Fund, Ending Child Marriage: Progress and Prospects. (2014). https://www.unicef.org/publications/files/UNICEF_SOWC_2016.pdf (diakses pada 5 June 2024)
- William A. Carsaro. (2005). *The Sociology of Childhood*. Indiana University. Bloomington.
- Zanariah Noor. (2013). Perkahwinan Kanak-Kanak dan Tahap Minima Umur Perkahwinan Dalam Undang-Undang Keluarg Islam. *Jurnal Syariah*, Jil 2, Bil.2 (2013). Department of Islamic studies, Faculty of Human Science. Sultan Idris Education University